



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# **GARIS PANDUAN PEMBUKAAN AKAUN BANK AHLI PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN (PPKK) DAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAH BAGI PERUNTUKAN KEWANGAN YANG DISALURKAN**

## **1. TUJUAN**

Tujuan Garis Panduan ini adalah sebagai panduan untuk pembukaan akaun Panel Penasihat Klinik Kesihatan dan skop perbelanjaan yang dibenarkan bagi bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada PPPK.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 PPPK telah ditubuhkan sebagai penghubung dan penggerat hubungan antara Kesihatan dan Komuniti. PPPK memainkan peranan perhubungan awam yang positif sebagai penyampai maklumat kesihatan dengan memberi penerangan yang jelas kepada orang awam mengenai maklumat-maklumat penjagaan kesihatan diri seperti promosi kesihatan, aktiviti pencegahan, perkhidmatan dan rawatan yang disediakan serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak klinik serta kekangan-kekangan perkhidmatan yang dihadapi oleh pihak klinik dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai.
- 2.2 Pegawai Pengawal telah bersetuju supaya KKM menyalurkan bantuan kewangan melalui waran kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Adalah menjadi tanggungjawab JKN untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun kepada setiap PPPK yang telah ditetapkan oleh Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat KKM bagi tujuan memudahkan PPPK melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka dengan lebih berkesan.
- 2.3 Bagi tujuan penyaluran peruntukan berkenaan, semua PPPK perlu membuka akaun atas nama PPPK. PPPK perlu bertanggungjawab di atas peruntukan

yang diluluskan tersebut dan berbelanja tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan.

### **3. PANDUAN PEMBUKAAN AKAUN BANK**

#### 3.1 Tanggungjawab Pengurusan Jabatan Kesihatan Negeri:

Pihak Pengurusan Jabatan Kesihatan Negeri perlu mengeluarkan surat sokongan kepada pihak bank yang menyatakan keperluan membuka akaun bank bagi PPKK. Contoh surat sokongan adalah seperti di Lampiran A.

#### 3.2 Tanggungjawab PPKK:

PPKK perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut semasa berurusan dengan pihak bank:

- i. Minit Mesyuarat yang mencatatkan persetujuan ahli-ahli PPKK untuk membuka akaun bank di atas nama Panel Penasihat Klinik Kesihatan-nama klinik kesihatan berkaitan;
- ii. Menyatakan dengan jelas nama dan tanda tangan ahli-ahli yang dibenarkan untuk transaksi/ pengeluaran cek;
- iii. Menyatakan syarat bilangan tanda tangan yang sah bagi setiap transaksi, sama ada dua(2) atau tiga(3) orang;
- iv. Menyatakan penggantian Ahli baru (sekiranya terdapat pertukaran Ahli yang dibenarkan untuk transaksi/ pengeluaran cek).

### **4. PANDUAN PERBELANJAAN WANG YANG DISALURKAN OLEH KERAJAAN**

#### 4.1 Aktiviti-aktiviti yang boleh dibiayai oleh PPKK dengan menggunakan bantuan kewangan daripada Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti-aktiviti untuk kesejahteraan serta mendekatkan hubungan pesakit dengan klinik kesihatan;
- ii. Mengadakan program-program berbentuk menimbulkan kesedaran dan kepentingan menjaga kesihatan, seperti kem kesihatan/karnival/ seminar gaya hidup secara sihat di daerah klinik berkaitan;
- iii. Aktiviti-aktiviti yang memberikan galakan kepada rakyat di daerah berkenaan supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat;

- iv. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan cara-cara pemakanan yang sihat dan selamat, ceramah, demonstrasi masakan, karnival makanan sihat dan sebagainya;
  - v. Aktiviti-aktiviti yang boleh mempromosikan kemudahan rawatan dan perkhidmatan di klinik kesihatan. Ini akan memberikan pengetahuan dan panduan kepada masyarakat tempatan agar lebih selesa ketika mendapat rawatan di klinik kesihatan.
- 4.2 Aktiviti- aktiviti selain daripada klausa 4.1 di atas seperti yang melibatkan lawatan sambil belajar, pembelian uniform ahli, pembelian aset dan aktiviti-aktiviti pentadbiran tidak digalakkan menggunakan wang bantuan kerajaan ini.

## **5. KAWALAN PERBELANJAAN**

- 5.1 Laporan perbelanjaan oleh PPKK perlu dibentangkan di dalam mesyuarat PPKK. Jabatan Kesihatan Negeri perlu mengemukakan laporan perbelanjaan tersebut kepada Bahagian Kewangan, KKM.
- 5.2 PPKK hendaklah membenarkan laporan kewangannya diaudit oleh Cawangan Audit Dalam KKM bagi tujuan pemantauan perbelanjaan daripada peruntukan yang telah disalurkan oleh KKM sebelum 31 Disember pada tahun semasa.
- 5.3 Peruntukan kewangan bagi tahun berikutnya tidak akan diberikan sekiranya tiada sebarang aktiviti dijalankan menggunakan peruntukan kewangan semasa yang telah disalurkan.
- 5.4 PPKK perlu mencapai perbelanjaan sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) atau lebih daripada jumlah peruntukan yang telah disalurkan pada tahun semasa bagi membolehkan peruntukan tahun hadapan disalurkan kepada PPKK.

## **6. PENUTUP**

- 6.1 Pihak Pengurusan JKN dan PPKK hendaklah memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap aktiviti-aktiviti yang melibatkan perbelanjaan wang Kerajaan tersebut dalam usaha mengurus kewangan secara berhemah.

**BAHAGIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
FEBRUARI 2024**